

Najib akan panggil 2 pemimpin MIC sekali lagi minggu depan
The Malaysian Insider
Feb 14, 2015

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak akan memanggil Presiden MIC Datuk Seri G Palanivel dan timbalannya Datuk Seri Dr S Subramaniam minggu depan, bagi mendapatkan penjelasan berhubung perkembangan terkini krisis parti itu.

Ia merupakan kali kedua Najib memanggil kedua-dua mereka bagi menyelesaikan kemelut parti komponen Barisan Nasional itu, selepas kali pertama diadakan awal bulan ini.

"Saya akan jumpa Datuk (Seri) G Palanivel dan Datuk (Seri) S Subramaniam sekali lagi Isnin atau Selasa, untuk penjelasan," katanya di Kuala Lumpur, hari ini

Najib diminta mengulas mengenai kenyataan Palanivel hari ini, yang meminta Pendaftar Pertubuhan (RoS) menarik balik surat-surat yang dihantar kepada MIC sejak krisis parti itu bermula dan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap badan pendaftar pertubuhan itu jika gagal berbuat demikian.

Krisis dalaman MIC tercetus selepas RoS membatalkan pemilihan bagi jawatan tiga naib presiden dan 23 anggota Jawatankuasa Kerja Pusat dalam Perhimpunan Agung MIC di Melaka pada November 2013.

Dalam surat bertarikh 5 Disember 2014, RoS mengarahkan MIC mengadakan pemilihan semula bagi jawatan berkenaan dalam tempoh 90 hari.

Pada Isnin lepas, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata MIC perlu mengadakan semula pemilihan bagi semua jawatan termasuk peringkat cawangan dan bahagian bermula April hingga Julai ini, bagi mengelak pembatalan pendaftaran parti itu.

Beliau berkata RoS memutuskan pendirian itu bagi memastikan isu pertikaian dalam pemilihan barisan kepimpinan parti kaum India itu dapat diselesaikan secara menyeluruh. – Bernama, 14 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-akan-panggil-2-pemimpin-mic-sekali-lagi-minggu-depan>